

22 AUG, 2023

# DARI KEKABU KE KAPAS

Harian Metro, Malaysia



SERAMAI 64 peserta terdiri daripada mahasiswa Universiti Teknologi Mara (UTM) Kelantan, Terengganu dan Pahang menyertai Ekspedisi Kayak Merdeka 66 UITM Pantai Timur di Pulau Kekabu, Marang. Mereka berdayak dari Pulau Kekabu ke Pulau Kapas sejauh enam kilometer bagi menyemarakkan lagi sambutan Hari Kebangsaan, 31 Ogos ini. Sambutan Hari Kebangsaan bertepatan Tekad Perpaduan Penuhi Harapan dan tema itu selari dengan tekad dan komitmen kerajaan untuk membangunkan sebuah negara dengan rakyatnya yang bersatu padu, memiliki semangat perpaduan tinggi serta hidup dalam keadaan aman dan sejahtera.



ANGGOTA Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Bomba Sukarelawan bertungkus-lumus memadamkan kebakaran membabitkan enam kilang pembuatan peralatan perabot di Kampung Baru Sungai Buloh.




PERSEMBAHAN opera di George Town diadakan bagi menghiburkan roh yang menziarahi alam dunia nyata pada bulan 'Hantu Lapar'. Masyarakat Cina percaya pintu alam ghaib akan dibuka dan semua roh dibebaskan dan berkeliaran di dunia. Ketika tempoh perayaan itu, mereka menyediakan makanan, wang neraka, keperluan harian dan hiburan bagi menenangkan jiwa roh dan juga simbol ketaatan terhadap nenek moyang mereka yang telah meninggal dunia. Festival Hantu Lapar adalah salah satu perayaan tradisional yang paling penting dalam kalangan masyarakat Cina. Ia juga dinamakan Festival Zhongyuan oleh penganut Tao atau Festival Yulampen oleh penganut Buddha. Perayaan ini jatuh pada hari ke-15 bulan ketujuh dalam kalender lunar. Pada tahun ini, festival berkenaan disambut bermula dari 16 Ogos hingga 14 September dan kemuncak perayaan itu disambut pada 30 Ogos ini.



PENERIMA Anugerah Perdana Belia Peringkat Negeri Melaka 2023 bagi kategori individu lelaki dan wanita (dari kiri) M Divinah, Nik Ahmad Yaakob Nik Mahamood, Mohammad Fiza Mohd Fuad, Nur Amni Abdul Raman dan Mohd Firdaus Baharuddin bersama anugerah yang diterima mereka pada majlis perasmian Sambutan Hari Belia Negara Peringkat Negeri Melaka. Anugerah berkenaan disampaikan Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Ab Rauf Yusoh.

**ANUGERAH PERDANA BELIA NEGARA 2023**  
**PERINGKAT NEGERI MELAKA**

Kategori Individu Lelaki	Nama	Jumlah	Hadiah
1	NAIB JOHI	RM1,500.00	RM1,500.00
2	JOHAN	RM3,000.00	RM3,000.00
3	JOHAN	RM3,000.00	RM3,000.00
Kategori Individu Wanita	KETIGA	RM1,000.00	RM1,000.00



22 AUG, 2023

## DARI KEKABU KE KAPAS

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

ANGGOTA Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Bomba Sukarelawan bertun g ku s - I u mu s memadamkan kebakaran membabitkan enam kilang pembuatan peralatan perabot di Kampung Baru Sungai Buloh. PERSEMBAHAN opera di George Town diadakan bagi menghiburkan roh yang menziarahi alam dunia nyata pada bulan 'Hantu Lapar'. Masyarakat Cina percaya pintu alam ghaib akan dibuka dan semua roh dibebaskan dan berkeliaran di dunia.